

# FMM bimbang pekerja minta naik gaji

KUALA LUMPUR 21 Okt.

— Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) melahirkan kebimbangan kemungkinan kesatuan pekerja akan meminta kenaikan gaji yang mendadak berikutan pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus pada tahun depan.

Naib Presidennya, Datuk Yong Poh Kon berkata, banyak syarikat yang kini menghadapi masalah ketidaktentuan ekonomi dunia akan terus dilanda masalah kewangan jika kesatuan pekerja meminta kenaikan pada kadar yang sama.

“Sektor swasta perlu mengelak kenaikan gaji 10 peratus ini terutamanya ketika keadaan ekonomi tidak menentu seperti sekarang,” katanya.

Pada pembentangan Belanjawan 2002 Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kakitangan awam akan menikmati kenaikan gaji 10 peratus selain daripada bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 tahun depan.

Menurutnya, jika gaji pekerja swasta meningkat maka harga kos pembuatan sesuatu barangan juga akan meningkat, sekali gus mengurangkan kompetitif barangan tempatan.

## Kejutan

Tambah Yong, beliau telah menjangka kakitangan kerajaan akan menerima bonus tahun depan tetapi kenaikan gaji merupakan satu kejutan kepadanya.

Sementara itu, Pegawai Kanan Ekonomi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Kevin Chew berkata, berbanding dengan pekerja swasta, kakitangan awam dijangka akan membelanjakan bonus dan kenaikan gaji mereka, sekali gus membantu merangsang ekonomi negara pada tahun depan.

Jelasnya, kesediaan kakitangan awam untuk berbelanja itu disebabkan pekerjaan mereka terjamin berbanding pekerja swasta yang dihantui kehilangan pekerjaan ekoran kelesbapan ekonomi dunia.